

21/03/1999

Bincang mansuh ISA

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan akan membincangkan gesaan Majlis Peguam untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), pada mesyuarat Kabinet.

Presidennya yang baru dipilih, RR Chelvarajah, berkata dalam pertemuan dengan Majlis Peguam Khamis lalu, Dr Mahathir memberitahu sebarang keputusan berhubung perkara itu perlu dibuat melalui persetujuan bersama.

Pertemuan dengan Perdana Menteri itu diadakan buat kali pertama sejak 15 tahun lalu. Majlis Peguam diketuai oleh bekas presiden Datuk Dr Cyrus Das.

Chelvarajah berkata, Majlis Peguam menyerahkan satu memorandum kepada Perdana Menteri yang meminta kerajaan memansuhkan ISA dan undang-undang penahanan lain.

(END)